

**Najib tiba di Gaza untuk lawatan bersejarah**  
**Utusan Online**  
**22 Januari, 2013**  
**Daripada ZULKIFLI BAKAR**

GAZA 22 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Gaza untuk memulakan lawatan bersejarah di bumi Palestin. Beliau disambut Perdana Menteri Palestin, Ismail Haniyeh.

Inilah kali pertama seorang Perdana Menteri Malaysia menjejakkan kaki di bumi Palestin.

Beliau yang melakukan lawatan kemanusiaan akan mengadakan pertemuan dengan anggota Kabinet dan Ahli Parlimen Hamas.

Najib juga akan menerima Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Al -Aqsa. Turut serta dalam lawatan itu ialah isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130122/dn\\_25/Najib-tiba-di-Gaza-untuk-lawatan-bersejarah](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130122/dn_25/Najib-tiba-di-Gaza-untuk-lawatan-bersejarah)